

# PENGARUH KOMUNIS DALAM GERAKAN BURUH DI TANAH MELAYU, 1930-1948

Ho Hui Ling\*

## Abstrak

Golongan buruh dan kesatuan sekerja adalah antara ‘senjata’ penting komunis dalam gerakan mereka di Tanah Melayu. Ini memandangkan buruh adalah nadi penggerak utama yang memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi negara. Sekiranya golongan ini dapat dikuasai, komunis dengan mudahnya dapat mengawal kekuatan ekonomi Tanah Melayu dan menambahkan kekuatan barisan penyokong, seterusnya dapat mempercepatkan pencapaian matlamat perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM). Dengan itu, PKM berusaha menyerapkan pengaruh ke dalam kesatuan sekerja dan menguasai golongan buruh sehingga menimbulkan banyak kekacauan ekonomi di negeri-negeri Melayu sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Dalam tempoh 1930-an dan 1940-an menyaksikan pelibatan buruh dari pelbagai sektor ekonomi dalam mogok dan kekacauan yang berlaku di negeri-negeri Melayu. Kekacauan ini tidak dapat dipisahkan dengan komunis dan PKM. Bagaimanapun, kekacauan dalam sektor ekonomi itu menimbulkan kebimbangan kepada pihak majikan dan wakil buruh serta kesatuan buruh. Berikutnya, pihak kerajaan (pentadbiran British) menjalankan langkah undang-undang bagi menyekat pelibatan dan penguasaan komunis dalam kalangan buruh di Tanah Melayu. Tindakan kerajaan tersebut berjaya untuk melemahkan pengawalan komunis dalam kalangan buruh. Kesukaran PKM dalam mempergunakan golongan buruh dan kesatuan sekerja dalam perjuangan mereka seterusnya telah mempengaruhi keputusan PKM untuk melancarkan gerakan bersenjata di Tanah Melayu pada Jun 1948.

**Kata Kunci:** buruh, kesatuan sekerja, Parti Komunis Malaya (PKM), negeri-negeri Melayu, pentadbiran British.

---

\* Dr. Ho Hui Ling ialah Pensyarah Kanan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## Pengenalan

Penyebaran pengaruh dan fahaman komunis telah bermula pada tahun 1920-an di Tanah Melayu. Komunis menjadikan golongan buruh, pelajar dan belia sebagai sasaran mereka dalam menyebarkan pengaruh dan memperoleh sokongan. Selaras itu, komunis berusaha untuk meletakkan pengaruh ke atas ketiga-tiga golongan tersebut dalam kegiatan mereka bagi membantu mencapai matlamat Parti Komunis Malaya (PKM), iaitu untuk mendirikan Republik Komunis Malaya. Dalam kalangan buruh, komunis berusaha mengawal golongan ini dan mengambil bahagian dalam kegiatan buruh di negeri-negeri Melayu. Ini memandangkan buruh adalah nadi penggerak utama yang memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi negara.

Seciranya golongan ini dapat dikuasai, komunis dengan mudahnya akan dapat mengawal kekuatan ekonomi Tanah Melayu dan menambahkan kekuatan barisan penyokong yang seterusnya dapat mempercepatkan pencapaian matlamat perjuangan PKM. Dalam hal ini, komunis telah terlibat dalam gerakan buruh sejak tahun 1920-an dan ini dapat dilihat apabila mereka cuba menyerapkan pengaruhnya ke dalam kesatuan sekerja yang wujud pada ketika itu. Pengaruh komunis dalam gerakan buruh bukan setakat itu sahaja, malahan mereka mengambil bahagian dengan lebih aktif pada tahun 1930-an dan 1940-an dengan mendalangi mogok dan kekacauan dalam sektor-sektor ekonomi di negeri-negeri Melayu. Keterlibatan komunis dalam kalangan buruh dan kesatuan buruh telah menimbulkan kebimbangan kepada pihak majikan dan pentadbiran British sehinggakan beberapa usaha diambil untuk menyekat berlakunya pengaruh komunis yang berterusan dalam kalangan buruh.

Tulisan ini bertujuan untuk memaparkan sejarah peresapan pengaruh komunis dalam gerakan buruh di Tanah Melayu pada tahun 1930-an ketika era kemelesetan ekonomi dan 1940-an iaitu selepas Perang Dunia Kedua sehinggalah Undang-undang Darurat diisytiharkan pada Jun 1948. Di sini dapat dilihat bagaimana komunis cuba menyerap ke dalam kesatuan sekerja, menghasut buruh melakukan kekacauan dalam sektor ekonomi dan anggota komunis berusaha untuk mengawal gerakan buruh di negeri-negeri Melayu. Turut dibincangkan dalam tulisan ini ialah tindak balas kerajaan ketika berdepan dengan masalah kekacauan yang melibatkan golongan buruh dari pelbagai sektor ekonomi di Tanah Melayu.

## Pengaruh Komunis Dalam Gerakan Buruh Sebelum Perang Dunia Kedua

Sejak kegiatan komunis dikesan di Tanah Melayu, kesatuan sekerja merupakan salah satu saluran penting untuk komunis menyebarkan fahaman dan kegiatan dalam kalangan buruh. Dengan demikian, pihak kerajaan dapat mengesan banyak kesatuan sekerja yang diresapi pengaruh komunis. Antaranya, kesatuan buruh berunsur komunis telah dikesan di Negeri Sembilan pada tahun 1926. Kesatuan buruh yang terlibat adalah Persatuan Pekerja Aik Min Port Dickson, Persatuan Pekerja Aik Khwan Kuala Pilah, Persatuan Pekerja Getah Negeri Sembilan, Persatuan Pekerja Kedai Negeri Sembilan, Persatuan Pekerja Aik Chi Sepang, Persatuan Orang Gaji Negeri Sembilan, Persatuan Pekerja Getah Tanah Merah, Persatuan Pekerja Getah Pengkalan Kempas, Persatuan Pekerja Yan Khwan Seremban dan Persatuan Pekerja Aik Shin Rantau. Persatuan tersebut kemudian bergabung menjadi Persatuan Pekerja Am Nanyang (*Nanyang General Labour Association*) atau juga dikenali sebagai Persatuan

Perwakilan yang merupakan cawangan kepada *General Labour Association of China*.<sup>1</sup> Manakala, pada 30 Mei 1927, tiga orang Cina ditahan di Melaka atas tuduhan mengendalikan pertubuhan yang diharamkan, iaitu *The New Students' Society*. Salah seorang daripadanya juga didapati berhubung rapat dengan pertubuhan buruh di Melaka dan Muar serta Batu Pahat di Johor.<sup>2</sup> Perkembangan ini menunjukkan di Tanah Melayu sejak pertengahan 1920-an telah terdapat kesatuan sekerja yang diresapi oleh komunis. Kesatuan itu juga cuba digunakan oleh komunis untuk mengumpul kekuatan barisan penyokongnya bagi melancarkan perjuangan mereka di negara ini.

Dalam hal ini, usaha komunis dalam menggunakan kesatuan sekerja dalam menyebarkan pengaruh mereka dipergiatkan melalui keputusan Comintern (*Communist International*) dalam Kongres Comintern Ke-6 pada September 1928. Dalam kongres itu, Comintern telah memutuskan "*the most important is the development of a strong Communist Party with a big mass influence . . . work in trade unions.*"<sup>3</sup> Ekoran daripada itu, PKM turut bertindak mengembangkan lagi pengaruhnya dalam kalangan buruh di negeri-negeri Melayu. Justeru, keputusan Comintern dalam kongres itu telah mempengaruhi keterlibatan komunis yang lebih aktif dalam gerakan buruh di Tanah Melayu pada tahun-tahun berikutnya. Pada awal tahun 1930-an, Tanah Melayu berdepan dengan masalah kemeseletan ekonomi seiring dengan kemeseletan ekonomi dunia. Sektor ekonomi sedikit sebanyak terjejas dan ini mempengaruhi pengeluaran hasil ekonomi, pekerjaan dan soal gaji pekerja. Dalam keadaan itu, PKM berjaya mempergunakan keadaan kemelesetan ekonomi untuk mempengaruhi golongan buruh di Tanah Melayu supaya menganjurkan mogok dan tunjuk perasaan terhadap pihak majikan. Walaupun keadaan ekonomi telah pulih kembali pada pertengahan 1930-an tetapi hubungan di antara majikan dengan buruh menjadi renggang kerana pihak majikan tidak sanggup menaikkan gaji kepada kadar sebelum zaman kemelesetan. PKM mengambil kesempatan untuk menguatkan propaganda komunis dalam kalangan buruh pelbagai sektor ekonomi.

Selain itu, PKM turut menggunakan kesempatan terhadap kemasukan buruh dari China yang dibawa oleh British. PKM telah menggerakkan golongan buruh, terutamanya dalam sektor perlombongan, perladangan, dan perburuhan, termasuklah buruh kuari, perkhidmatan kereta api, pengangkutan bas, pembinaan, pembersihan, penyembelihan, kilang kasut, kilang nanas, tukang jahit, orang gaji tempatan dan pekerja kilang getah. PKM mempengaruhi mereka membantuk kesatuan sekerja dan kemudiannya menggerakkan tindakan mogok bagi menuntut kenaikan gaji dan suasana tempat bekerja yang lebih baik. Tujuannya adalah untuk mewujudkan keadaan tidak stabil dalam sektor tersebut dan keadaan itu seterusnya akan melemahkan tulang belakang ekonomi negara serta pentadbiran British di Tanah Melayu.<sup>4</sup>

- 1 Interim Report on The Kwok Man Tong in The Federated Malay States Covering Activities During The Period 1<sup>st</sup> January 1927 to End of June 1927, CO273/537/28053, Kuo Min Tang; *The Communist Threat to The Federation of Malaya*, Kuala Lumpur: Government Printer, 1959, hlm. 27-30. Lihat juga W.L. Blythe, "Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya", *JMBRAS*, Vol. XX, Pt. 1, June 1947, hlm. 109; M.R. Stenson, *Industrial Conflict in Malaya, Prelude to The Communist Revolt of 1948*, London: Oxford University Press, 1970, hlm. 8.
- 2 The Malayan Bulletin of Political Intelligence, June 1927, CO273/535/28030, Malayan Bulletin of Political Intelligence.
- 3 Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1971, hlm. 23.
- 4 Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2010, hlm. 8. Lihat juga, Indrajaya Abdullah (diterjemah dan diadaptasi), *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2014, hlm. 5.

Dengan itu, PKM dapat merealisasikan matlamat perjuangannya untuk menguasai negara ini dengan lebih cepat.

Pada pertengahan tahun 1930-an, komunis telah memperoleh kejayaan awal dengan menguji kekuatan mereka melalui tindakan melakukan tunjuk perasaan dan menimbulkan masalah dalam kalangan buruh dari pelbagai sektor ekonomi. Antaranya, termasuklah mogok yang berlaku di Kuala Lumpur dalam kalangan pembuat kasut dan tukang jahit pada 30 Disember 1933 dan 8 Januari 1934 masing-masing. Alasan mereka untuk melakukan mogok ialah menuntut kenaikan gaji dan memperbaiki keadaan kerja mereka.<sup>5</sup> Pada 10 Oktober 1934, pemandu lori berbangsa Cina di Pulau Pinang terlibat dalam mogok akibat daripada pengurangan bayaran untuk muatan lori dari 60 sen kepada 50 sen. Mogok itu berakhir pada 11 Oktober 1934 apabila mereka dijanjikan kadar bayaran baharu. Selain itu pembuat kasut di Pulau Pinang juga mengadakan mogok pada 30 Oktober 1934.<sup>6</sup> Pada mulanya hanya tiga buah kedai dengan 60 orang pekerja sahaja yang terlibat tetapi pada 12 November 1934, pekerja-pekerja di 24 buah kedai lain turut menyertai mogok itu. Pada 26 November 1934 semua pemogok kembali bekerja dengan mendapat persetujuan kenaikan bayaran sebanyak 24 sen. Pekerja di Tek Bee Oil Mill, Sungai Pinang di Jelutong, Pulau Pinang pula melakukan mogok pada 9 November 1934 ekoran daripada pertengkaran di antara majikan dengan seorang pekerja mengenai soal gaji. Bagaimanapun, mogok itu dapat diselesaikan selepas tiga hari. Sementara itu, mogok juga berlaku dalam kalangan pekerja rotan di Seremban, Negeri Sembilan pada Disember 1934 setelah permintaan untuk gaji yang lebih tinggi ditolak oleh pihak majikan. Namun demikian, pekerja kembali bekerja selepas pemecatan ketua komplot mereka.<sup>7</sup>

Begitu juga pembuat kasut di Batu Pahat, Johor melakukan mogok sehari pada Januari 1935 kerana meminta kenaikan gaji sebanyak 20 peratus. Mereka kembali bekerja setelah dijanjikan kenaikan gaji sebanyak 15 peratus oleh pihak majikan. Selain itu, pekerja Cina di lombong besi kepunyaan Jepun, Sri Medan, Batu Pahat, Johor, mengadakan mogok atas masalah kenaikan gaji pada 26 September 1935. Kadar kenaikan gaji kemudiannya dipersetujui oleh pihak pengurusan sebanyak 20 peratus.<sup>8</sup> Pada 5 November 1935, lebih daripada 200 orang penoreh getah Cina tiba di stesen polis Pagoh, Muar, Johor untuk meminta kerja dan makanan. Kebanyakan mereka adalah orang Hailam dan mereka mengadu kepada Pelindung Orang Cina, Johor bahawa mereka tidak dapat menampung hidup kerana kadar bayaran hasil getah telah diturunkan kepada 4.5 sen sekati. Pihak majikan mengatakan bahawa itu adalah kadar biasa yang diberi dan mendakwa bahawa penghasut telah melawat kawasan mereka beberapa hari sebelumnya dan memujuk pekerja Cina untuk melakukan mogok pada 5 November 1935. Akibat kejadian itu, seramai 181 orang pekerja telah ditangkap dan ditahan.<sup>9</sup> Kes-kes ini jelas menunjukkan kekacauan itu bukan semata-mata sebab masalah ekonomi tetapi ia adalah hasutan daripada pihak tertentu yang berniat untuk menimbulkan keadaan huru-hara di Tanah Melayu.

Di antara tahun 1936-1937, dilaporkan atas hasutan PKM telah berlaku beberapa kejadian mogok. Antaranya, pada akhir Mac 1936 lebih 10,000 orang lelaki dan wanita di

5 Monthly Review of Chinese Affairs, January 1934, CO273/596/33046/Part 1, Review of Chinese Affairs.

6 Monthly Review of Chinese Affairs, October 1934, CO273/597/33046/Part IV, Review of Chinese Affairs.

7 Monthly Review of Chinese Affairs, December 1934, CO273/597/33046/Part V, Review of Chinese Affairs.

8 Monthly Review of Chinese Affairs, September 1935, CO273/605/50055/Part 1, Review of Chinese Affairs.

9 Monthly Review of Chinese Affairs, November 1935, CO273/606/50055/Part IV, Review of Chinese Affairs.

estet getah, kilang getah dan pengetinan nenas telah terlibat dengan mogok.<sup>10</sup> Kemudian, pada 13 Januari 1937, pekerja di Estet Hawthornden, Selangor, berhenti kerja dengan menuduh bahawa mandur memalsukan akaun dan sesetengah pekerja dipecat dengan tidak adil. Setelah disiasat oleh pihak pengurusan, keadaan estet itu kembali kepada keadaan asalnya dan kerja dipulihkan pada 15 Januari 1937. Mogok juga berlaku di Kilang Getah Sham Yip Leung, Klang, Selangor di antara 6 hingga 15 Januari 1937. Mogok itu berakhir setelah mereka dijanjikan peningkatan gaji dari 7.5 peratus kepada 30 peratus. Begitu juga 300 orang pekerja di Kin Chin Saw Mill, Bukit Changgang di Banting, Selangor mengadakan mogok mulai 1 hingga 3 Januari 1937. Keadaan pulih semula setelah peningkatan gaji dijanjikan sebanyak 15 peratus kepada para pekerja oleh pihak pengurusan. Seterusnya mogok sehari pula berlaku di Kepong Tin Dredging Company, Kuala Lumpur pada 16 Januari 1937 yang disebabkan timbul salah faham yang digiatkan oleh penghasut (komunis).<sup>11</sup>

Sementara itu, penoreh getah di Selangor dan Negeri Sembilan juga mengadakan mogok pada akhir Mac 1937 tetapi mereka kembali semula bekerja pada 28 Mac 1937 setelah perbincangan diadakan dengan majikan mereka. Di antara 27 Mac dan 1 April 1937, pemogokan merebak ke kawasan estet di Melaka. Penghasut dari Negeri Sembilan melawat beberapa estet di Melaka. Sekumpulan 30 orang lelaki termasuklah orang Hailam, Hakka, Kantonis, Hokkien, Teochew dan dua orang Melayu melawat Kampung Alor Gajah pada 28 Mac 1937, menghasut pekerja mengadakan mogok dan pekerja diserang jika mereka pergi bekerja. Kumpulan itu juga menghantar notis pemberitahu kepada penduduk kampung yang kononnya dikeluarkan oleh Persekutuan Getah Melaka (*Malacca Rubber Federation*). Namun, sebenarnya tidak ada organisasi jenis itu wujud di Melaka pada ketika itu. Berikutnya, satu perjumpaan pemilik-pemilik estet telah diadakan pada 1 April 1937 yang dihadiri oleh kira-kira 120 orang, kebanyakan orang Cina. Dengan itu, bermula pada 5 April 1937 semua pemogok kembali bekerja semula.<sup>12</sup>

Selain Melaka, sejak 27 Mac 1937 satu siri pemogokan mengambil tempat di estet-estet di Johor. Di Kluang, pemogok memilih empat perwakilan yang mana dua daripadanya datang dari Negeri Sembilan dan bekerja di Johor. Mereka telah dipilih kerana mereka mengetahui kekacauan yang berlaku di merata-rata tempat akibat hasutan komunis. Dalam kejadian lain, pada 27 Mac 1937, 67 daripada 800 orang pekerja Cina Kantonis di Estet Paya Lang, Batu Anam, Johor berhenti bekerja. Pekerja kembali bekerja pada 28 Mac 1937 setelah dijanjikan gaji minimum 80 sen sehari. Berikutnya, pada 28 Mac 1937, 88 orang pekerja Hailam lain berhenti kerja untuk sebab-sebab yang tidak jelas. Mereka kemudian kembali semula bekerja pada 30 Mac 1937.<sup>13</sup> Walaupun didapati pemogokan berlaku di merata tempat di Tanah Melayu tetapi keadaan itu dapat dikawal setelah majikan bertolak ansur dalam hal

---

10 Harry Miller, *Menace in Malaya*, London: George H. Harrap & Co. Ltd., 1954, hlm. 30; Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004, hlm. 7. Lihat juga Yeo Kim Wah, "Communist Involvement in Malayan Labour Strikes: 1936", *JMBRAS*, Vol. XLIX, Pt. 2, 1976. Rujuk juga Leong Yee Fong, "Permulaan Kesedaran Perburuhan Cina di Tanah Melayu, 1920-1940", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982, hlm. 204-206.

11 Monthly Review of Chinese Affairs, April 1937, CO273/628/50055/Part 1, Review of Chinese Affairs.

12 Ibid.

13 Pemogokan pekerja juga berlaku di tempat-tempat lain seperti Pahang, Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Monthly Review of Chinese Affairs, April 1937, CO273/628/50055/Part 1, Review of Chinese Affairs.

yang berbangkit. Kebanyakan kekacauan itu timbul daripada permintaan untuk mendapat kenaikan gaji dan hak-hak pekerja.

Selain buruh estet, buruh di lombong arang di Batu Arang, Selangor juga turut mogok. Atas hasutan komunis, pada Mac 1937 seramai 6,000 pekerja mogok dan seterusnya mengambil alih lombong itu. Ini menyebabkan berlakunya pertempuran di antara pihak komunis dengan polis. Pihak komunis berjaya menduduki kawasan ini untuk hampir sejam. Mereka membunuh lima orang, menyerang stesen polis, mengurung lebih daripada 50 orang dalam stesen kereta api lombong untuk lebih kurang setengah jam dan memusnahkan jentera. Keadaan dapat dipatahkan dengan bantuan ketenteraan dari Taiping yang bergegas ke kawasan lombong berkenaan.<sup>14</sup> Bagi pihak komunis, mereka telah berjaya mempergunakan 6,000 orang pekerja yang menjadi alat komunis dalam menyertai kekacauan tersebut. Komunis juga mempunyai rancangan untuk menghasut pekerja di lombong bijih timah di Kinta, Perak supaya turut serta dalam mogok tetapi apabila tindakan mereka di Batu Arang dapat dipatahkan, rancangan untuk kawasan Kinta tidak dapat dijalankan.<sup>15</sup> British melihat keadaan ini membahayakan perkembangan sosioekonomi, kerajaan pun bertindak menangkap mereka yang terbabit dan ada di antaranya telah dibuang negara ke China. Dalam kejadian lain di Seremban, Negeri Sembilan pula mogok dilakukan oleh pembuat terompah pada 1 Mei 1937. Bagaimanapun, kerja dipulihkan semula pada 3 Mei 1937 setelah dijanjikan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus oleh pihak majikan.<sup>16</sup>

Sementara itu, di Tanah Melayu sekurang-kurangnya telah berlaku 11 kejadian mogok sejak 3 September 1939 hingga 1940. Di antaranya pada 18 Disember 1940, seramai 2,000 orang penoreh Cina di Estet Ladang Geddes, Bahau, Negeri Sembilan mengadakan mogok. Pada hari berikutnya, 160 orang buruh Tamil di Estet Bahau bersebelahan dengan Ladang Geddes juga turut mogok. Pemogokan di kedua-dua estet itu berjaya ditamatkan pada 22 Disember 1940 setelah majikan bersetuju menyelaraskan bayaran gaji mereka iaitu 85 sen kepada penoreh Cina, 55 sen kepada buruh lelaki Tamil dan 45 sen kepada buruh Tamil wanita. Selain itu kerajaan juga memperoleh bukti bahawa pada tahun 1940 sebuah cawangan *Red General Labour Union* yang ahli-ahlinya terdiri daripada anggota PKM telah ditubuhkan dalam kalangan pekerja di lombong timah di Sungai Lembing, *Pahang Consolidated Co. Ltd.* di bawah nama samaran, *The Workers' Savings Society*. Ketika diketahui oleh pihak berkuasa, pertubuhan itu telah wujud untuk lebih daripada tiga bulan dengan seramai 130 orang ahli. Pertubuhan itu telah mengumpulkan tabung untuk mengadakan mogok dan mengajar propaganda komunis kepada ahli-ahlinya.<sup>17</sup> Justeru, di sini jelas dapat dilihat kekacauan

- 
- 14 Cheah Boon Kheng, *From PKI to The Comintern, 1924-1941: The Apprenticeship of The Malayan Communist Party*, Ithaca: Cornell University, 1992, hlm. 62-63, 88-89; Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya*, London: Frederick Muller, 1975, hlm. 20; R.W. Komer, *The Malayan Emergency in Retrospect: Organization of A Successful Counterinsurgency Effort*, A Report Prepared For Advanced Research Projects Agency, R-957-ARPA, Santa Monica, California, 1972, hlm. 1; Harry Miller, *Menace in Malaya*, hlm. 30 dan 93.
- 15 Lihat Yeo Kim Wah, "Communist Involvement in Malayan Labour Strikes: 1936", hlm. 48; Leong Yee Fong, "Permulaan Kesedaran Perburuhan Cina di Tanah Melayu, 1920-1940", hlm. 204-206; Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 10.
- 16 Monthly Review of Chinese Affairs, Mei 1937, CO273/628/50055/Part II, Review of Chinese Affairs.
- 17 "Labour Troubles in Malaya", CO273/662/50336/Part 1, Labour Unrest in Malaya.

dalam kalangan pelbagai sektor ekonomi yang berlaku mempunyai hubung kait yang rapat dengan komunis.

Tidak dapat dinafikan bahawa PKMlah yang berada di sebalik kekacauan tersebut tetapi mereka kurang berjaya kerana keadaan tersebut dapat diselesaikan setelah mendapat perhatian dan pertimbangan daripada pihak majikan. Dengan itu jelaslah bahawa mogok yang membawa keadaan huru-hara di Tanah Melayu di antara tahun 1930-1941 adalah atas hasutan PKM dan golongan anti-British yang berniat untuk merampas negara ini daripada tangan British. Dalam hal ini, Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara, Malcolm MacDonald pernah mengkritik bahawa gerakan buruh dipimpin oleh mereka yang sengaja bertujuan untuk menimbulkan kekacauan di Tanah Melayu. Dalam ucapannya, beliau mengatakan:

*Labour movements in the colonies are very often led by men, who, however well-meaning, are completely inexperienced in industrial and political practice. Some of these leaders are inclined to jump to the conclusion that the weapon they should use in order to obtain justice is the weapon of the strike and riots.*<sup>18</sup>

Bagaimanapun, selain daripada hasutan pihak komunis, kekacauan dalam kalangan buruh juga kerana keadaan ekonomi pada masa itu yang menyukarkan kehidupan mereka. Hal ini dapat dilihat dalam laporan Jabatan Buruh bahawa kekacauan yang berlaku bukan hanya kerana hasutan PKM tetapi juga “*from the high cost of living, the paucity of the official rice ration and the price of blackmarket rice*”.<sup>19</sup> Justeru, tekanan hidup turut membuka ruang kepada PKM untuk mendorong dan menghasut golongan buruh bangkit menuntut keadaan hidup yang lebih baik.

Memandangkan kejadian mogok yang berlaku secara meluas pada ketika itu, pihak berkuasa British di Tanah Melayu telah mengambil pelbagai langkah bagi menghalang dan menyekat kegiatan komunis. Dengan itu, PKM bukan sahaja sebuah pertubuhan yang dianggap tidak sah atau haram, tetapi sejak awal Januari 1929 hingga tahun 1940, British telah menggunakan Section 2, of Kedah Banishment Enactment No. 5 of 1341 dan Section 3 (i) Federal Banishment Enactment, bagi mengusir keluar pemimpin tertinggi PKM dan ahli-ahli komunis yang terdapat di negeri-negeri Melayu. Di bawah enakmen tersebut juga turut menyatakan, mana-mana bukan subjek British, mereka boleh diisytiharkan sebagai orang asing yang tidak diingini. Dengan itu mereka akan diusir dan dihantar pulang ke negara asal mereka.<sup>20</sup> Keadaan itu diambil berikutan tindakan yang mereka lakukan didapati menyusahkan dan membahayakan pentadbiran British. Sebaliknya, tindakan tegas tersebut diambil oleh pihak kerajaan adalah untuk menjamin keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara.

---

18 Ibid.

19 Extract From Malaya Combines Intelligence Summary No.10, Period 1<sup>st</sup> to 30<sup>th</sup> November 1939, CO273/662/50336/Part 1, Labour Unrest in Malaya. Rujuk juga Francis Loh Kok Wah, *Beyond the Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villages in the Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 82.

20 The Secretariat Negeri Sembilan C.P.O. 1129/40, Federated Malay State, State of Negeri Sembilan, The Federal Banishment Enactment; Bryan C. Cooper, *Decade of Change, Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, Singapore: Graham Brash, 1998, hlm. 432-433.

## Penguasaan Komunis dalam Kesatuan Sekerja dan Tindak Balas Kerajaan

Selepas Perang Dunia Kedua, komunis terus bergerak di Tanah Melayu dengan matlamat yang sama iaitu untuk menguasai negara ini daripada penjajah British. Dalam gerakan komunis ini, golongan buruh didampingi dan digunakan bagi mempercepatkan pencapaian perjuangan mereka. Dengan itu, golongan buruh estet, lombong, kilang dan industri menjadi sasaran utama komunis kerana sektor ini adalah penyumbang kepada ekonomi British dan Tanah Melayu. Justeru, di antara tahun 1945 hingga 1948 komunis menguji kekuatan mereka dengan menggerakkan beberapa siri mogok dan menimbulkan kekacauan di seluruh negara dalam percubaan untuk menjatuhkan pentadbiran British. Keadaan ini dicatatkan dalam “*Memorandum of The Situation in Malaya*” sebagai “. . . *the Communists, playing as usual upon the opportunities of economic uncertainty were attempting to win control largely by intimidation over the labour unions. During 1946 and 1947 the Party made great efforts to gain the support of the workers in rubber and tin, . . .*”<sup>21</sup> Begitu juga dalam Emergency Leaflet No. 191, menjelaskan bahawa:

*These people persuaded the members to appoint them as leaders after which the organisation, both on the political and trade union side, come under the control of what is known as the Malayan Communist Party. The workers have realised from bitter experience the result of being involved in unnecessary strikes and disputes arising from bad leadership. The worker did not realise at first that these self-appointed leaders were using them for personal and political purposes. . . .*<sup>22</sup>

Berdasarkan dua petikan di atas, tujuan komunis bukan sahaja untuk melahirkan kekacauan ekonomi semata-mata tetapi juga memenangi sokongan buruh supaya berpihak kepada mereka. Seterusnya mereka boleh dipergunakan untuk aktiviti politik yang dijalankan oleh komunis, iaitu bagi menamatkan pemerintahan kolonial British dan menubuhkan republik komunis.

Justeru, apabila wujudnya perasaan tidak puas hati terhadap dominasi komunis ke atas buruh, maka pelbagai cara digunakan oleh mereka termasuk kekerasan, ugutan dan pemerasan demi mengekalkan kekuasaan mereka dalam kalangan buruh di Tanah Melayu. Ini seringkali diikuti pula dengan perbuatan membakar harta benda dan perbuatan kejam membunuh majikan, pekedai, ‘kepala’ buruh Cina dan juga pengurus ladang berbangsa Eropah.<sup>23</sup> Komunis berharap keadaan itu dapat mengganggu perkembangan ekonomi Tanah Melayu dan kehidupan harian golongan buruh. Dengan itu, PKM dapat memperkuat barisan perjuangan kerana buruh akan hilang keyakinan terhadap kekuasaan pihak British dan menyokong perjuangan komunis. Seterusnya komunis dapat mencapai cita-cita politik mereka iaitu penubuhan sebuah republik komunis di Tanah Melayu.

21 Memorandum of The Situation in Malaya, CO717/210/52849/3, Law and Order.

22 Emergency Leaflet No. 191, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PR/1049/48(2), Emergency Regulations – Publicity Material.

23 *Background Information and Material For Speakers – The Emergency and Anti-Bandit Month*, Kuala Lumpur: Department of Public Relations, Federation of Malaya, 1950, hlm. 10. Lihat juga Leong Yee Fong, “Kekerasan Buruh Di Tanah Melayu April-Jun 1948: Satu Tafsiran Semula”, dalam Qasim Ahmad (ed.), *Kekerasan Dalam Sejarah, Masyarakat dan Pemerintah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 92.

Selepas Perang Dunia Kedua, PKM dapat mempengaruhi kesatuan sekerja melalui kawalannya terhadap *Pan-Malayan Federation of Trade Union* (PMFTU). Kejayaan PKM meletakkan PMFTU di bawah pengaruhnya dapat memudahkan komunis menghasut dan mengagitasi golongan buruh.<sup>24</sup> Hampir keseluruhan pegawai PMFTU terdiri daripada anggota PKM yang langsung tidak mempunyai apa-apa pengalaman dalam kerja-kerja di lombong, estet dan kilang. Mereka diletakkan di situ kerana cita-cita PKM untuk memperoleh kawalan dalam kesatuan sekerja di peringkat negeri dan pusat. Keadaan ini dicatatkan dalam dokumen komunis yang berbunyi:

*Our work in the enemy Trade Unions may continue as it is now but we must dominate their State organisations. We must train and season important members among the workers and Trade Unions. They should be seasoned to the extent of seizing the leadership of the Malaya-wide Trade Union.*<sup>25</sup>

Sementara itu, Pejabat Kolonial melaporkan di Tanah Melayu pada tahun 1947, terdapat 360 kejadian mogok dan pertelingkahan buruh yang melibatkan jumlah 69,217 orang buruh, kebanyakannya berlaku di estet getah dan lombong. Ini termasuklah sejumlah 280 kejadian mogok di estet getah yang melibatkan seramai 46,282 orang buruh. Manakala pada 13 Jun 1948, terdapat 22 kejadian mogok dengan 4,800 orang buruh yang terlibat, berbanding dengan 27 mogok yang melibatkan 6,900 orang buruh pada seminggu yang lalu.<sup>26</sup> Di Kedah, pada Februari dan April 1947, buruh di tiga buah ladang iaitu Bedong, Bukit Sembilan dan Dublin berhimpun untuk menuntut kenaikan gaji. Pihak polis terpaksa menggunakan kekerasan untuk menyuraikan perhimpunan buruh itu. Akibatnya dua orang buruh terbunuh dan hampir 100 orang buruh India ditangkap dan dipenjarakan atas tuduhan merusuh. Pada 18 Mei 1948, pengurus Cina dari Kilang Getah Ghee Seng, di Ipoh, Perak pula ditembak mati dalam keretanya dan sepucuk surat telah ditinggalkan dalam kereta yang menyatakan mangsa dibunuh kerana dia tidak mematuhi peraturan kesatuan sekerja. Sementara itu, sekumpulan 20 orang Cina di Estet Senai, Johor, melemparkan obor bernyala ke arah bumbung bangunan estet dan kilang. Orang Cina lain mencurahkan minyak tanah ke atas jambatan di belakang kilang estet dan menyalakan api. Jumlah kerugian dalam kejadian itu dianggarkan sebanyak \$30,000.<sup>27</sup>

Akibat daripada keadaan kucar-kacir yang dibangkitkan oleh kesatuan sekerja dan lain-lain pertubuhan, kerajaan Malayan Union dan Singapura telah melaksanakan undang-undang pendaftaran pertubuhan bagi mengawal serta mengawasi aktiviti pertubuhan dan kesatuan sekerja. Pendaftaran pertubuhan dikuatkuasakan pada 15 April 1947 tetapi perlaksanaannya tidak berjalan dengan lancar akibat bangkangan daripada beberapa pertubuhan kiri termasuk *Malayan Democratic Union* (MDU), *Parti Kebangsaan Melayu Malaya* (PKMM) dan PKM. Dengan itu, kekacauan dalam kalangan buruh masih dilaporkan berlaku. Antara enam bulan dari Disember 1947 hingga Mei 1948, dilaporkan terdapat 140

---

24 *Federation of Malaya Annual Report 1948*, Kuala Lumpur: Government Press, 1949, hlm. 181.

25 *The Communist Threat to The Federation of Malaya*, hlm. 28.

26 Memorandum on The Situation in Malaya, CO717/178/52849/42, Law and Order. Lihat juga *The Straits Times*, 29 July 1960, hlm. 3.

27 Charles Gamba, *The Origins of Trade Unionism in Malaya: A Study in Colonial Labour Unrest*, Singapore: Eastern Universities, 1962, hlm. 339-340.

pemogokan yang berlaku di Tanah Melayu. Pada masa yang sama, dilaporkan sejumlah 130 daripada 335 buah kesatuan sekerja yang berdaftar adalah di bawah pengaruh komunis dan 70 buah lagi diragui turut dipengaruhi komunis.<sup>28</sup> Sehingga bulan Jun 1948 pula, lebih kurang 117 daripada 289 kesatuan sekerja yang didaftarkan adalah dikawal oleh PMFTU di bawah pengaruh komunis, manakala yang bakinya iaitu 86 buah adalah bebas daripada pengaruh dan kuasa PMFTU dan 86 buah lagi adalah diragui kedudukannya.<sup>29</sup>

Berhadapan dengan keadaan huru-hara dan kekacauan dalam gerakan pekerja dan peningkatan bukti bahawa komunis menggunakan kesatuan sekerja untuk tujuan politik, pihak pemerintah telah bertindak tegas menangani hal tersebut dengan mengenakan sekatan ke atas kesatuan sekerja. Undang-undang yang bersangkutan telah digunakan sepenuhnya. Antara lainnya ialah menguatkuasakan *Trespass Law*, mulai Februari 1947 supaya pengaruh luar seperti komunis tidak akan mempengaruhi golongan buruh. *Trespass Law* ini melarang para pegawai kesatuan sekerja dari memasuki kawasan ladang atau tempat kerja untuk memberi ucapan atau mengatur aktiviti buruh.<sup>30</sup> Dengan itu, pegawai kesatuan sekerja tidak dapat berhubung secara langsung dengan buruh. Selaras itu, pendaftaran kesatuan sekerja juga diwajibkan dengan tujuan supaya kesatuan sekerja tidak dapat bertindak sebagai pusat penyebaran propaganda komunis.<sup>31</sup> Melalui pendaftaran kesatuan sekerja ini juga, pihak kerajaan akan dapat mengetahui dan mengawal keanggotaan serta aktiviti kesatuan sekerja.

Dalam hal ini, kerajaan telah digesa supaya mengambil tindakan yang tegas terhadap PKM. *Malayan Planting Industries Employers Association* menghantar sepucuk telegram kepada Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi British Persekutuan Tanah Melayu pada 8 Jun 1948. Tindakan seperti itu diambil adalah disebabkan banyak berlaku pembunuhan dan kacau-bilau yang ditujukan kepada pengurus ladang dan kontraktor terutama di negeri Johor, Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan.<sup>32</sup> Dengan itu juga, lebih 100 orang peladang yang mewakili 181 buah estet di Perak menghantar sepucuk telegram kepada Sir Edward Gent menuntut tindakan segera diambil terhadap keadaan kekacauan dalam sektor ekonomi negara. Dalam telegram itu mereka mengatakan:

*Managers are appalled at the present general lawlessness throughout Perak, particularly of murder, assault and intimidation.*

*Managers, no longer able to maintain orderly routine on their estates, demand that a state of emergency, martial law or other appropriate action be instituted immediately.*

*It is further demanded that the death penalty for carrying arms be reimposed and rigidly enforced.*<sup>33</sup>

28 Extract From Official Report of 10<sup>th</sup> November, 1948, High Commissioner's Office, P/PESU 2, Federation of Malaya, From S. of S. (Numbered) Despatches And Third Person Notes 1948.

29 *Federation of Malaya Annual Report 1956*, Kuala Lumpur: Government Printer, 1957, hlm. 79. Rujuk juga *British Malaya*, Vol. 23, No. 9, January 1949, hlm. 143; Alex Josey, *Trade Unionism in Malaya*, Singapore: Donald Moore, 1954, hlm. 17.

30 Maklumat lanjut, lihat Charles Gamba, *Labour Law in Malaya*, Singapore: Donald Moore, 1957, hlm. 26-28.

31 *Federation of Malaya Annual Report 1949*, Kuala Lumpur: Government Press, 1950, hlm. 181. Rujuk juga Michael R. Stenson, "Repression and Revolt, The Origin of The 1948 Communist Insurrection in Malaya and Singapore", *Journal of Southeast Asia Series*, Vol. 6, No. 10, 1968, hlm. 18.

32 *The Straits Times*, 9 June 1948, hlm. 1.

33 Extract From *The Straits Budget*, Singapore, 24 June 1948, 16 Jun – Perak Committee of the Planting Industries Employers Association, CO717/168/52849/5/Part II, Law & Order, Miscellaneous Correspondence; *Evening Standard*, 8 June 1948, CO717/210/52849/1, Law and Order, Malayan Union, Singapore.

Begitu juga *Kedah Planters' Association* menyeru kerajaan mengambil tindakan terhadap keadaan yang wujud di Tanah Melayu pada ketika itu.<sup>34</sup> Pada masa yang sama, wakil dari sektor penanaman, perlombongan, perbankan, rumah-rumah agensi (*agency house*) dan kepentingan komersial Eropah telah memberitahu Setiausaha Negeri Tanah Jajahan tentang kesediaan mereka bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam mengawal keadaan di Tanah Melayu.<sup>35</sup> Dalam hal ini, pada awalnya, Sir Edward Gent tidak mengaku keseriusan keadaan negara. Beliau menggambarkannya sebagai “*a war of nerves by the forces of disorder*”.<sup>36</sup>

Namun demikian, pada 31 Mei 1948, Majlis Perundangan Persekutuan meluluskan ordinan kesatuan sekerja yang dikenali sebagai *Trade Unions Ordinance No. 9 of 1948*. Ordinan ini menghadkan gabungan kesatuan sekerja berdasarkan perniagaan, pekerjaan dan industri yang sama serta memastikan pemimpin dalam kesatuan sekerja tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah seperti yang pernah terlibat dalam pemerasan dan ugutan.<sup>37</sup> Seterusnya, pada awal 1948 kerajaan menyemak semula ordinan berkenaan dan menerbitkan *Trade Unions (Amendments) Ordinance* yang mula dikuatkuasakan pada 12 Jun 1948. Ordinan ini bukan bertujuan menekan kesatuan sekerja tetapi untuk menjamin mereka sebenarnya adalah kesatuan sekerja dengan ahli-ahli untuk tujuan kesatuan sekerja dan pemimpin mereka sama ada pekerja bergaji di industri berkenaan atau sekurang-kurangnya orang yang mempunyai tiga tahun pengalaman dalam industri berkenaan.<sup>38</sup> Perkara tersebut dapat dilihat dalam seksyen 26, subseksyen (3) *Trade Unions (Amendments) Ordinance* yang berbunyi:

*All officers of a trade union or federation of trade unions other than the Secretary and the officers required by subsection (1) of this section to be persons actually engaged or employed in the industry or occupation with which the trade union is connected shall be persons who have served a period of at least three years' engagement or employment in the industrial or other occupation represented by such trade union or federations of trade unions, and who have proved such period of engagement or employment to the satisfaction of the Registrar.*<sup>39</sup>

Pindaan tersebut diperkenalkan untuk melindungi kepentingan ahli-ahli kesatuan sekerja dan mencegah penyusupan mereka yang mempunyai motif politik ke dalam kesatuan sekerja. Dengan itu dapat melumpuhkan pengaruh komunis dalam kalangan buruh sambil menggalakkan kegiatan kesatuan sekerja yang sihat.

---

34 Gwee Hock Aun, *The Emergency in Malaya*, Pulau Pinang: Sinaran, 1966, hlm. 26; Harry Miller, *Menace in Malaya*, hlm. 81.

35 Charles Gamba, *The Origins of Trade Unionism in Malaya*, hlm. 344-345.

36 Harry Miller, *Menace in Malaya*, hlm. 79.

37 P.R. 473/48, Amendments to Trade Union Ordinance. Rujuk juga Charles Gamba, *The Origins of Trade Unionism in Malaya*, hlm. 156-158 dan 343; *Handbook to Malaya (Federation of Malaya and The Colony of Singapore) and The Emergency*, Singapore: The Department of Information, Federation of Malaya, Public Relations Office, Singapore and The Regional Information Office, July 1956, hlm. 14-15; Michael R. Stenson, “Repression and Revolt: The Origins of the 1948 Communist Insurrection in Malaya and Singapore”, hlm. 5.

38 *Handbook to Malaya*, hlm. 13; Harry Miller, *Menace in Malaya*, hlm. 77.

39 Information Department Malaysia, P.R. 473/48, Amendments to Trade Union Ordinance; Jabatan Peguam Negara (Attorney General's Chambers), F. of M. Ordinances – 1948, P/PEG 1, Regulations made under the Emergency Regulations Ordinance 1948.

Berikutnya, pada Jun 1948, semua Persekutuan Kesatuan Sekerja yang ditubuhkan sebelum atau selepas Ordinan ini diminta untuk berdaftar dengan pihak pentadbiran. Tindakan ini menyebabkan penguasaan komunis dalam kesatuan sekerja semakin lemah. Ini terbukti apabila 10 buah kesatuan sekerja adalah tidak layak untuk didaftarkan berikutan dengan undang-undang kesatuan sekerja yang dikuatkuasakan pada Jun 1948. Kesatuan sekerja ini termasuklah Kesatuan Sekerja Am Terengganu, Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Johor, Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Melaka, Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Selangor, Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Perak, Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Kelantan, Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Kedah, Persekutuan Kesatuan Sekerja Pahang Timur, Persekutuan Kesatuan Sekerja Pahang Barat, dan Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Sembilan. Dengan demikian, PMFTU dan sekutunya tidak layak untuk berdaftar, kerana ahlinya datang dari pelbagai industri yang berbeza dan pekerjaan yang berlainan.<sup>40</sup> Malahan PMFTU turut diharamkan secara rasmi oleh pentadbiran British pada 13 Jun 1948. Pada masa yang sama, penguatkuasaan Ordinan ini menyebabkan terhapusnya kebanyakan pemimpin komunis dalam gerakan kesatuan sekerja. Dengan demikian, usaha kerajaan pada masa itu adalah menggunakan langkah undang-undang terhadap penyusupan komunis dalam kalangan buruh dan sekaligus mengelakkan perjuangan komunis menjadi satu perjuangan terbuka.

Sebaliknya Ordinan Kesatuan Sekerja ditentang oleh PMFTU yang dikawal oleh komunis. PMFTU mengatakan bahawa Ordinan itu adalah untuk merampas hak-hak penduduk Tanah Melayu untuk mengatur diri mereka dalam kesatuan sekerja dan dengan itu menghalang kebebasan bertindak (*freedom of action*) mereka.<sup>41</sup> Sementara itu, *Daily Worker*, 9 Disember 1952 menyatakan tindakan kerajaan mengharamkan PMFTU turut mengakibatkan kegagalan pihak berkuasa British untuk mencapai sokongan daripada kira-kira 300,000 tenaga kerja yang di bawah pengaruh PMFTU.<sup>42</sup> Justeru adalah jelas bahawa pelaksanaan Ordinan itu bermakna saluran penghubung dan penyambung PKM yang paling berkesan dengan rakyat melalui kesatuan sekerja telah dimusnahkan oleh kerajaan. Keadaan ini menyumbang kepada keputusan PKM untuk melancarkan gerakan bersenjata di Tanah Melayu pada Jun 1948.

Dalam pada itu, pada 1 Jun 1948, Majlis Perundangan Persekutuan telah bermesyuarat di Kuala Lumpur ketika Tanah Melayu dalam keadaan yang tegang. Tujuan ialah untuk membincangkan langkah yang sepatutnya diambil terhadap kekacauan yang berlaku di Tanah Melayu oleh pihak komunis ke atas lombong dan estet. Di samping itu, ahli-ahli Majlis Perundangan Persekutuan turut melahirkan rasa kurang senang hati terhadap kelewatan Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu, Sir Edward Gent mengambil tindakan yang tegas ke atas keadaan kekacauan yang berlaku di Tanah Melayu. Dalam perdebatan itu, seorang ahli India yang terkenal dan wakil kesatuan sekerja dalam Majlis Perundangan, V.M.N. Menon, memberi amaran kepada Majlis dan kerajaan dengan kata-kata:

*Hardly a day passes without violence on the labour front. The Indian labourer is proverbially docile and tolerant, yet no regard is now given to the moral value of*

40 Trade Union Pamphlets (Special Issue) – distributed by the Trade Union Adviser’s Department, Malaya and Singapore, CO717/167/52849/2/1, Law and Order, Emergency Legislation; Extract From *The Straits Budget*, Singapore, June 24, 1948, CO717/168/52849/5/Part II, Law and Order, Miscellaneous Correspondence.

41 Charles Gamba, *The Origins of Trade Unionism in Malaya*, hlm. 157-158.

42 *Daily Worker*, 9 December 1952, CO1022/146/SEA75/02, Communism – Malaya, H.B. Lim.

*life and chaos reigns supreme. Definitely there must be something more serious behind these bubbles of crime than meets one's eye.*<sup>43</sup>

Beliau meminta supaya satu perwakilan kuasa harus dilantik untuk menyiasat keadaan kekacauan yang berlaku dan puncanya. Beliau juga mengatakan langkah harus diambil ke atas kebajikan buruh agar perhatian diambil terhadap perasaan tidak puas hati dan memperbaiki keadaan kerja di estet getah bagi mewujudkan keadaan aman dalam industri berkenaan.<sup>44</sup>

Selain itu, seorang pengusaha British, Aubrey W. Wallich yang juga Pengerusi Dewan Perniagaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pula mengatakan:

*The unrest was not the manifestation of discontented and oppressed labour. It was a campaign organized and directed by forces, "whose origin is outside Malaya", and by individuals who were not genuine labourers, and who had little, if any, interest in labour; expect as medium for subversion and intrigue.*<sup>45</sup>

Di samping itu, Wallich juga mengatakan golongan buruh telah dikorupkan. Beribu-ribu buruh telah diugut atau diberi amaran supaya tidak hadir bekerja. Harta benda dan barang-barang telah dimusnahkan dengan tidak bertanggungjawab dan penduduk pula dicercaikan.<sup>46</sup> Sementara itu, Dato Onn bin Ja'afar, sebagai Menteri Besar Johor ketika itu, menegaskan bahawa adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menumpaskan keadaan huru-hara yang wujud di Tanah Melayu. Beliau mengatakan:

*As a unit of the Federation, the Government of Johore demands that peace and order be maintained. The time has come when the Federation Government should firmly show by its actions that it will have no truck with Communism in this country, that every power that this council can give to the police and to others to maintain law, and that Communism is eradicated and those responsible for its ideology in this country banished for ever.*<sup>47</sup>

Daripada perbincangan pelbagai pihak di Majlis Perundangan itu jelas bahawa keadaan huru-hara di Tanah Melayu adalah berpunca dari perbuatan komunis dan ia telah menjejaskan keyakinan penduduk terhadap keupayaan pentadbiran British bagi melindungi Tanah Melayu daripada ancaman pengganas komunis.

Di luar dewan Majlis Perundangan pula, keadaan adalah semakin hangat. Mogok dan kekacauan semakin meningkat di seluruh negara. Tujuan komunis adalah untuk menimbulkan seberapa banyak gangguan dan kekacauan yang mungkin. Antaranya, pada 1 Jun 1948, rusuhan berlaku di Estet Kangswi, berhampiran Segamat, Johor. Estet itu berada dalam tangan buruh Cina iaitu lebih kurang 200 orang untuk selama tiga minggu yang lepas. Mereka disyaki menoreh getah dan menyimpan keuntungan jualan untuk kegunaan diri mereka. Sehari sebelum

---

43 *Handbook to Malaya*, hlm. 15.

44 *Ibid.*

45 Harry Miller, *Menace in Malaya*, hlm. 78. Lihat juga Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, hlm. 68.

46 Harry Miller, *Menace in Malaya*, hlm. 78.

47 *Ibid.*, hlm. 79. Lihat juga Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, hlm. 69.

rusuhan iaitu pada 31 Mei 1948, pasukan polis membuat pengintipan dan buruh bertindak ganas dengan parang, lembing, botol, kayu tajam dan bata. Pasukan polis kemudian diarahkan berundur untuk memperoleh bantuan. Mereka kembali ke estet bersama-sama dengan 80 orang pegawai dan anggota polis dan diiringi oleh seorang majistret pada 1 Jun. Buruh mengepung pasukan polis, mengugut mereka dan enggan bersurai. Majistret yang bercakap dalam bahasa Melayu dan diterjemahkan ke dalam bahasa Cina, meminta buruh terlibat bersurai dan memberi amaran kepada mereka tentang akibat kegagalan berbuat demikian. Beliau menunggu selama lima minit dan buruh berkenaan enggan mematuhi arahan, maka polis dipanggil untuk menyuraikan mereka. Dalam kejadian itu, polis menggunakan "lathis" untuk menyuraikan perhimpunan itu. Selepas perhimpunan itu disuraikan, didapati enam orang buruh terbunuh, 15 orang cedera dan 30 orang ditangkap.<sup>48</sup>

Selain itu, pada Jun 1948, dilaporkan sekumpulan orang Cina yang bersenjata menembak mati dua orang buruh lombong bijih timah, membunuh seorang 'kepala' estet kelapa sawit yang sedang tidur dan juga bertempur dengan polis berdekatan sebuah kilang kayu di Selangor. Mereka turut melekatkan poster di lombong timah yang memberi amaran kepada buruh berkenaan untuk terus mengadakan mogok, dan sesiapa yang kembali bekerja akan ditembak mati. Dua orang pekerja lombong timah yang ditembak mati ialah Chong Chin dan See Chong kerana enggan terlibat dalam mogok yang telah berlaku 10 hari yang lepas. Manakala pembunuhan seorang 'kepala' di estet kelapa sawit yang dikenali Ah Pan berlaku pada 3 Jun 1948, jam 8 malam di Estet Mary, Batang Berjuntai, kira-kira 45 batu dari Kuala Lumpur. Dalam kejadian lain, pada 7 Jun 1948, seorang pengurus Estet Triang, Pahang, berbangsa Cina, dibunuh semasa beliau berjalan melalui lorong utama di kampung kecil Triang. Pada hari yang sama di Perak, dua orang kakitangan kerajaan berbangsa Melayu juga dibunuh semasa menjalankan tugas di estet.<sup>49</sup> Kejadian komunis yang berlaku di estet getah dan lombong timah dari Mei hingga pertengahan Jun 1948 itu telah mengambil corak baharu dan lebih keras.

Menjelang Jun 1948, keadaan di Tanah Melayu telah semakin gawat dan tegang. Berikutan desakan daripada pemimpin politik dan pihak majikan, Sir Edward Gent mengadakan satu mesyuarat di Majlis Eksekutif di Kuala Lumpur pada 13 Jun 1948 bagi membincangkan kegelisahan buruh dan keganasan komunis yang berleluasa di negara. Pada 16 Jun 1948, berlaku peristiwa tiga orang peladang Eropah dibunuh oleh komunis di kawasan Sungai Siput, Perak. Mangsa ialah Arthur Walker, Pengurus Ladang Elphil; John Allison dan pembantunya, Ian Christian dari Estet Phin Soon.<sup>50</sup> Kekejaman komunis itu telah menyedari kerajaan bahawa PKM mengancam kedudukan ekonomi dan juga politik serta membahayakan kedudukan British di Tanah Melayu. Dengan itu, akhirnya Sir Edward Gent mengisytiharkan Undang-undang Darurat sebagai langkah segera kerajaan untuk mengawal keadaan di Tanah Melayu.

---

48 Inward Telegram, 2<sup>nd</sup> June 1948, CO717/210/52849/1, Law and Order, Malayan Union, Singapore. Lihat juga Charles Gamba, *The Origins of Trade Unionism in Malaya*, hlm. 339-340.

49 *Handbook to Malaya*, hlm. 16; Charles Gamba, *The Origins of Trade Unionism in Malaya*, hlm. 340-341. Lihat juga *Times*, 8 June 1948, CO717/210/52849/1, Law and Order, Malayan Union, Singapore.

50 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960*, hlm. 15; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 24.

## **Kesimpulan**

Daripada perbincangan adalah jelas bahawa golongan buruh dan kesatuan sekerja diberi perhatian oleh komunis dalam gerakan mereka di Tanah Melayu. Dalam hal ini, dapat dilihat PKM berusaha dalam menyerapkan pengaruh ke dalam kesatuan sekerja dan menguasai golongan buruh sehingga PKM berjaya mempengaruhi gerakan buruh untuk menimbulkan keadaan huru-hara di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua lagi dan diteruskan selepas Perang. Dengan itu, dalam tempoh 1930-an dan 1940-an telah menyaksikan berlaku banyak kekacauan ekonomi di negeri-negeri Melayu yang tidak dapat dipisahkan dengan komunis dan PKM. Komunis telah menggunakan alasan untuk membela nasib golongan buruh dalam strategi mereka mengawal gerakan buruh bagi melemahkan ekonomi dan pentadbiran British di Tanah Melayu. Di sini dapat dilihat kepintaran PKM dengan menggunakan soal gaji dan keadaan tempat kerja untuk memikat hati golongan buruh supaya bangkit melakukan mogok dan kekacauan dalam sektor perlombongan, perladangan dan perindustrian. Tindakan komunis itu bukan sahaja telah menimbulkan huru-hara dalam negara tetapi pada masa yang sama dapat memenangi sokongan buruh. Bagaimanapun, kekacauan yang berlaku itu telah menimbulkan kebimbangan pihak majikan dan wakil buruh. Justeru, mereka menyeru pihak kerajaan supaya mengambil tindakan tegas untuk mengawal keadaan kekacauan yang berlaku. Dengan demikian, kekacauan yang timbul itu akhirnya dapat diselesaikan apabila pihak kerajaan melaksanakan pelbagai undang-undang dan peraturan bagi menyekat penglibatan serta penguasaan komunis dalam gerakan buruh di Tanah Melayu. Tindakan kerajaan itu berjaya melemahkan pengawalan komunis dalam kalangan buruh. Kesukaran PKM dalam mempergunakan golongan buruh dan kesatuan sekerja dalam perjuangan mereka itu seterusnya telah mempengaruhi keputusan PKM untuk menggunakan strategi kekerasan serta keganasan dengan melancarkan gerakan bersenjata untuk menentang penjajah British di Tanah Melayu pada Jun 1948.